

24 JUL 1999

Dewan - Perlis (Usul)

DI MANAKAH TEMPAT RAJA JIKA PAS BAWA PERLIS KELUAR MALAYSIA?

KANGAR, 24 Julai (Bernama) -- Di manakah Raja Perlis mahu ditempatkan jika Perlis dikeluarkan daripada Malaysia seperti yang dikehendaki oleh PAS?

Itulah persoalan yang dibangkitkan oleh Datuk Selamat Saad (BN-Sena) ketika membahaskan usul menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Dewan Undangan Negeri Perlis hari ini.

Selamat berkata, PAS telah membangkitkan idea untuk mengeluarkan Perlis dari negara ini jika ia memerintah tanpa memikirkan masa depan negeri dan rakyat.

"Perlis adalah sebuah negeri yang berdaulat dan mempunyai raja tetapi hasrat pembangkang itu seolah-olah mengetepikan peranan raja," katanya.

Sambil menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim itu, beliau menyifatkan hasrat PAS itu sebagai keterlaluan.

Shahidan ketika menggulung perbahasan itu, berkata kerajaan Barisan Nasional yakin parti pembangkang tidak dapat menguasai negara ini.

Menurutnya, hasrat mahu menggadaikan pusat pentadbiran Putrajaya dan mengeluarkan Perlis dari Malaysia ialah antara cita-cita yang tidak diterima oleh rakyat.

PAS juga tidak pernah memikirkan rancangan masa depan parti itu jika berjaya memerintah kecuali berhasrat untuk menggunakan segala kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan BN.

Katanya, Perlis banyak bergantung kepada kerajaan pusat bagi pembangunannya seperti menerima bantuan tahunan kira-kira RM450 juta.

Dewan meluluskan usul itu.

-- BERNAMA

AD MAI